Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)

Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) dilancarkan pada bulan Januari 2011 sebagai sebahagian daripada agenda untuk meningkatkan keupayaan kewangan dalam kalangan pengguna kewangan di Malaysia. Program ini memperlengkap inisiatif *bankinginfo* dan *insuranceinfo* yang merupakan platform utama, yang melaluinya, Bank bersama-sama agensi-agensi berkaitan, berusaha untuk membantu golongan dewasa supaya lebih bijak dalam membuat keputusan kewangan.

Dalam keadaan persaingan yang semakin sengit dalam sektor kewangan dan bertambah kompleksnya produk kewangan yang ditawarkan, keupayaan pengguna untuk lebih memahami implikasi pilihan kewangan mereka adalah sangat penting bagi memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dengan sebarang perubahan keadaan yang tidak dijangka dan mengelak daripada terjebak dalam masalah kewangan. Golongan muda khususnya, kini berhadapan dengan persekitaran yang lebih mencabar memandangkan keputusan kewangan yang kurang bijak boleh mengakibatkan kesan jangka panjang yang besar dari segi keupayaan untuk menampung perbelanjaan akan datang, selain berhadapan kemungkinan berlakunya perubahan yang tidak dijangka terhadap paras pendapatan, dan juga penyediaan bekalan yang mencukupi untuk persaraan. Berlatarkan semua keadaan ini, Program POWER! bermatlamat untuk membantu pengguna mencapai sasaran kewangan mereka selain melindungi mereka daripada terjebak ke dalam kancah hutang yang berlebihan, dengan membuat keputusan mengambil pinjaman secara yang lebih bijak. Selain itu, program ini juga akan memberikan pengguna kewangan keupayaan untuk berbincang dengan penyedia perkhidmatan kewangan secara lebih berkesan apabila membuat pilihan kewangan dan dalam menyelesaikan sebarang masalah hutang yang mungkin timbul. Sama pentingnya ialah manfaat lebih luas kepada ekonomi dan masyarakat yang terhasil daripada sektor isi rumah yang berdaya tahan dari segi kewangan, pertumbuhan penggunaan yang berterusan dan jaring perlindungan yang teguh.

Kumpulan sasaran utama Program POWER! ini ialah golongan muda dan mereka yang baru mula membuat pinjaman. Ini supaya kumpulan ini mendapat pengetahuan dan kemahiran kewangan yang praktikal tentang pengurusan wang dan hutang, serta kaedah untuk membuat keputusan kewangan yang lebih wajar dan bertanggungjawab. Program secara sukarela selama separuh hari ini mengandungi enam modul yang disampaikan dengan cara yang sangat interaktif, relevan dan kreatif. Kesemua modul tersebut menyentuh isu yang dihadapi oleh kebanyakan golongan muda dalam menguruskan hal-ehwal kewangan mereka, seperti cara untuk membuat analisis dan menguruskan aliran tunai peribadi atau keluarga, memastikan hutang pada tahap yang mampu diuruskan, serta pertimbangan dan proses utama yang perlu difahami oleh bakal peminjam apabila mendapatkan pembiayaan untuk membeli rumah dan kereta, atau kemudahan kad kredit untuk kegunaan peribadi. Program ini menggunakan kit peralatan kewangan dan menumpukan kepada aplikasi secara praktikal keputusan kewangan serta kesannya dalam situasi kehidupan sebenar. Ini seterusnya akan memberikan kesan langsung dan serta-merta dalam menjadikan pengurusan kewangan yang bertanggungjawab sebagai suatu cara hidup dalam kalangan golongan muda di negara ini.

Program ini diuruskan dan dikendalikan oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan kerjasama institusi perbankan. Penyertaan dalam program ini adalah percuma dan orang ramai yang berminat boleh mendaftar terus dengan AKPK atau melalui institusi perbankan masing-masing. Usaha juga telah diambil untuk membangunkan pelbagai jenis pembelajaran interaktif dan alat dalam talian bagi memperlengkap Program POWER!. Melalui penyediaan semua kemudahan ini, para peserta boleh membuat simulasi kemampuan kewangan, aliran tunai dan nilai bersih kewangan mereka, selain menyertai forum perbincangan mengenai pengurusan kewangan dan mendapatkan tip dan nasihat kewangan.

Majikan dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat lebih lanjut mengenai program ini dalam laman sesawang AKPK (www.akpk.org.my), *bankinginfo* (www.bankinginfo.com.my) atau *insuranceinfo* (www.insuranceinfo.com.my). Mereka yang berminat juga boleh menghubungi AKPK menerusi talian bebas tol 1-800-88-2575 atau TELELINK Bank Negara Malaysia di 1-300-88-5465.

Jadual 1

Gambaran Keseluruhan Program POWER!

No.	Modul	Kandungan utama
1.	Pengurusan Aliran Tunai	• Hidup secara bijak: mengenal pasti keperluan dan kehendak • Membuat belanjawan peribadi dan penyata aliran tunai/nilai bersih • Mengetahui kedudukan kewangan dan nilai bersih
2.	Asas Peminjaman	• Sumber biasa kredit peribadi dan ciri utama kemudahan kredit • Kriteria pemberian pinjaman yang utama • Kos peminjaman dan menetapkan had hutang sendiri • Hak dan tanggungjawab peminjam
3.	Menggunakan Kad Kredit	• Pelbagai jenis kad, iaitu kad debit, kad kredit dan kad caj • Memahami terma dan syarat kad kredit • Menggunakan kad kredit dengan bijak • Tanggungjawab untuk melindungi kad kredit
4.	Membeli Kereta	• Faktor yang perlu dipertimbangkan apabila membeli kereta, termasuk kemampuan, penyelenggaraan dan pembayaran perbelanjaan berulang yang lain • Terma dan syarat perjanjian sewa beli, termasuk bayaran yang dikenakan, penyelesaian awal dan penarikan balik
5.	Membeli Rumah	• Faktor yang perlu dipertimbangkan apabila membeli rumah, termasuk kemampuan, jenis pemilikan, lokasi, kos dan penyelenggaraan • Memahami terma dan syarat pinjaman/pembiayaan perumahan • Memahami hak dan tanggungjawab peminjam • Akibat kegagalan membayar
6.	Pentingnya Mengurus Hutang Anda	• Faktor yang menyebabkan seseorang itu berhutang • Akibat hutang yang tidak terurus • Pentingnya membina dan mengekalkan rekod kredit yang baik • Khidmat nasihat dan penyelesaian masalah yang sedia ada untuk membantu pengurusan hutang yang lebih baik